



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT (HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ANNOUNCEMENTS BY Mr. SPEAKER—

Reply from Toh Puan Tan Cheng-Lock to Message of
Condolence [Col. 4927]

Messages from the Senate [Col. 4929]

Assent to Bills Passed [Col. 4930]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 4930]

BILL PRESENTED [Col. 4945]

BILLS—

The Immigration (Amendment) Bill [Col. 4945]

The Notaries Public (Amendment) Bill [Col. 4965]

The Betting (Amendment) Bill [Col. 4966]

The Age of Majority Bill [Col. 4976]

The Racing (Totalisator Agency Board) Bill [Col. 4984]

The Legitimacy Bill [Col. 4998]

The Betting and Sweepstake Duties (Amendment) Bill [Col. 5000]

The Guardianship of Infants Bill [Col. 5000]

The Control of Supplies Bill [Col. 5003]

BUSINESS OF THE HOUSE (Motion) [Col. 5008]

MOTIONS—

Malayan Railway Administration Moratorium [Col. 5008]

Customs Duties (Amendment) (No. 5) Order, 1960 [Col. 5015]

Customs Duties (Amendment) (No. 6) Order, 1960 [Col. 5017]

ADJOURNMENT SPEECH—

Pelajaran dan Pendidikan bagi anak² perempuan [Col. 5020]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 5027]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Monday, 6th February, 1961

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

- The Honourable the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- .. the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- .. ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
- .. ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- .. ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- .. ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- .. ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAID (Seberang Utara).
- .. ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- .. ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- .. ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- .. ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- .. ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- .. ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- .. ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- .. ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- .. ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- .. TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- .. ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

- The Honourable ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- .. CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- .. ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- .. ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
- .. DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- .. ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- .. ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- .. ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- .. ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- .. DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- .. ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- .. ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- .. DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- .. ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- .. ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- .. ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- .. ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TENGKU INDRA PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
- .. DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- .. ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).

- The Honourable WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
 „ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
 „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
 „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
 „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
 „ PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
 „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
 „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
 „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
 „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
 „ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
 „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
 „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).
 „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

- The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

ANNOUNCEMENTS BY
MR. SPEAKER

REPLY FROM TOH PUAN TAN
CHENG-LOCK, TO MESSAGE OF
CONDOLENCE

Mr. Speaker: Ahli² yang Berhormat, saya telah menerima sa-puchok surat daripada Toh Puan Tun Tan Cheng-Lock janda kapada Tun Tan Cheng-Lock. Surat-nya dalam bahasa orang Puteh. Saya bachakan dalam bahasa orang Puteh juga.

“Dear Sir,

I thank you for your letter of 16th January, 1961 (ref. M/31), intimating that the House of Representatives has recorded its sense of great

loss and its deep regret at the death of my late husband, Tun Tan Cheng-Lock, and desire to offer its sincere condolence to my family and myself.

I also wish to thank you for the copy of the relevant extract from the official report relating to the record of this memorial to my late husband.

My family and I are deeply grateful to the Prime Minister and all the Members of the House who spoke on behalf of this motion and for all the compliments they paid to the late Tun Tan Cheng-Lock.

That he has been held in such esteem and regard as is reflected in the pertinent proceedings of your House has consoled us much in our bereavement.

Kindly convey our grateful thanks to the Prime Minister and all Members of the House for their very kind message of condolence and sympathy and for their thoughtfulness to have

these memorial proceedings recorded, which we must appreciate.

Yours faithfully,
(Sd.) NEE YEO YEOK NEO
Toh Puan Tan Cheng-Lock".

MESSAGES FROM THE SENATE

Mr. Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan yang bertarikh 21 December, 1960, dan 7 January, 1961, daripada Yang di-Pertua Dewan Negara, berkenaan dengan Rang Undang² yang di-hantar oleh Majlis ini sa-bagai persetujuan Dewan Negara. Sekarang saya jemput Setia-Usaha membachakan perutusan² itu.

(The Clerk reads the messages)

"Mr. Speaker,

The Senate has agreed to the following Bills, without amendment:

A Bill to apply a sum out of the Consolidated Fund to the service of the year ending on the thirty-first day of December, 1961.

A Bill to amend the Employees Provident Fund Ordinance, 1951.

A Bill to amend the Income Tax Ordinance, 1947.

Dated 21st December, 1960.

(Sd.) DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMED YASIN
(President)".

"Mr. Speaker,

The Senate has agreed to the following Bills, without amendment:

A Bill to amend the Pineapple Industry Ordinance, 1957.

A Bill to regulate the borrowing powers and guarantees of public authorities.

A Bill to repeal the Importation of Yen Ordinance.

A Bill to apply a sum out of the Consolidated Fund to the service of the year 1961 and to appropriate such sum for certain purposes.

A Bill to make special provision for the grant of a pension to

Tengku Ampuan Jema'ah binti Raja Ahmad, the widow of His late Majesty Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Al-Marhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah.

Dated 7th January, 1961.

(Sd.) DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMED YASIN
(President)".

ASSENT TO BILLS PASSED

Mr. Speaker: Honourable Members, I wish to inform the House also that His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has signified his Assent to the following Bills which were passed by the Parliament:

The Consolidated Fund (Expenditure on Account) Bill, 1960.

The Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Bill, 1960.

The Income Tax (Amendment) (No. 2) Bill, 1960.

(On 28th December, 1960)

The Pineapple Industry (Amendment) Bill, 1961.

The Public Authorities (Control of Borrowing Powers) Bill, 1961.

The Importation of Yen Ordinance (Repeal) Bill, 1961.

The Supply Bill, 1961.

The Special Pension (Tengku Ampuan Jema'ah binti Raja Ahmad) Bill, 1961.

(On 12th January, 1961)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

Mengadakan Pusat² Penerangan di-Cameron Highlands dan di-Fraser's Hill

1. Enche' Hussein bin To' Muda Hassan bertanya kepada Perdana Menteri ia-itu ada-kah Kerajaan akan menimbangkan supaya di-adakan Pusat² Penerangan di-Cameron Highlands dan di-Fraser's Hill.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak ada chadangan hendak mengadakan satu Pusat Penerangan di-Cameron Highlands dan di-Fraser's Hill, tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat boleh

saya telah membawa perhatian pada kenyataan bahawa Kementerian ini sedang bekerja atas jenis² padi yang berhasil tinggi sa-banyak 1,000 gantang tiap² sa-ekar. Perchubaaan permulaan telah di-jalankan di-Kuala Lumpur pada tahun² 1950/51 dan perchubaaan yang berik特-nya telah di-teruskan di-Melaka dan di-Telok Chengai. Sekarang perchubaaan² sedang di-jalankan di-beberapa negeri seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, apa nama padi itu.

Enche' Abdul Aziz: Belum ada nama-nya lagi (*Ketawa*).

Mengakuī Kerajaan Sementara Algeria

6. Enche' Zulkiflee bin Muhammad bertanya kepada Menteri Luar Negeri ia-itu sudah-kah Kerajaan Persekutuan mengakuī Kerajaan Sementara Algeria yang di-ketuaī oleh Dr. Ferhat Abbas dan jika tidak, mengapa.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak dapat mengakuī sekarang ini dengan sebab Kerajaan itu belum lagi mempunyai ibu pentadbiran yang rasmi di-dalam negeri Algeria. Apakala telah di-tubuhkan ibu pentadbiran itu bukan sahaja kita dapat mengakuī Kerajaan itu bahkan dapat pula kita menghantar-kan wakil kita.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Bila hendak di-adakan agak-nya.

The Prime Minister: Jawab-nya ia-lah sa-bagaimana yang saya sudah jawab tadi.

Tender² Membuat Stadium Negara

7. Enche' Khong Kok Yat bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ia-itu ada-kah tender² membuat Stadium Negara itu telah dikeluarkan dalam *Warta Kerajaan*, dan jika tidak, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mempelawa tender² berkenaan dengan kerja ini.

Dato' V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, Stadium Negara itu sedang di-bena dengan berperingkatan dan konterek² di-beri untuk tiap² satu peringkat. Peratoran ini sedang di-ikuti

oleh kerana kekusutan dan kebesaran pekerjaan² dalam bahagian² yang berlainan dan juga kerana hendak menyiapkan bangunan itu sa-belum Hari Kemerdekaan 1961.

Tender² telah di-panggil untuk Peringkat Yang Pertama dalam bulan July 1960 dan surat² pemberitahu telah pun di-lekatkan di-Pejabat² Kerja Raya yang berpatutan dan juga dalam surat² khabar serta *Gezet Kerajaan*. Lima orang Pemborong telah menghantar permintaan² dan konterek itu telah di-beri kepada tender yang sa-habis rendah.

Untuk Peringkat Yang Kedua yang berkehendakkan pengetahuan dan pertubohan konterek yang lengkap untuk menjalankan konterek itu, tender² telah di-panggil daripada dua orang Pemborong yang di-ketahuī ada mempunyai pengetahuan dan kelengkapan sa-bagai mana yang di-kehendaki itu.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, the Honourable Minister said that with regard to the second phase tenders were called for from two contractors. May we know whether that was by tender in the normal manner or whether the two contractors were just written to and called upon to tender?

Dato' V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat itu tunggu sampai soal No. 8 boleh saya beri jawapan itu.

8. Enche' D. R. Seenivasagam asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications to state whether it is a fact that Messrs. K. C. Boon & Cheah and Messrs. Lim Kwee & Sons Ltd. have been asked by the Public Works Department to submit the Bills of Quantity for the Indoor Stadium Negara, and if so, why this procedure was adopted instead of the tender system.

Dato' V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kekusutan dan kebesaran-nya ranchangan itu Stadium Negara ini sedang di-bena dengan berperingkatan.

Untuk Peringkat Yang Pertama ia-lah pekerjaan² pembenaan yang lazim, tender² telah di-panggil daripada pemborong² dengan melalui surat² khabar

dan *Gezet* tetapi untuk Peringkat Yang Kedua ia-itu perkara yang amat kusut dan payah, tender² telah di-panggil daripada dua pemborong sahaja. Mereka ia-lah Pemborong K. C. Boon & Cheah Co. Ltd. dan Pemborong Lim Quee & Sons.

Chara menyekat tender² bagi pekerjaan² yang kusut atau yang terkhas kepada pemborong² yang di-fikirkan layak menjalankan pekerjaan² itu adalah di-lakukan di-seluruh dunia dan ini-lah keadaan-nya terhadap Stadium Negara. Pembinaan sa-umpama ini, dalam faham saya, ia-lah yang pertama sa-kali di-dunia ini. Langkah sa-chara ini di-buat supaya kawasan bertutup yang sa-luas²-nya dapat di-adakan dengan harga yang amat murah. Chara menyekat tender² itu jarang di-lakukan oleh Kerajaan Persekutuan melainkan keadaan-nya menunjukkan bahawa chara itu patut di-lakukan untuk faedah orang ramai.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, what steps, if any, have been taken to see whether there are other contractors equally capable and efficient?

Dato' V. T. Sambanthan: In the estimation of the Government, this is a very difficult job, and it felt that these two are the best contractors for that involved and difficult task.

Enche' V. David: Will the Minister say whether that is a matter of opinion, or is it a fact?

Dato' V. T. Sambanthan: The Government could only be guided by its technical advisers, and it is satisfied with their advice.

Enche' D. R. Seenivasagam: My question is, "What steps, if any, did Government take to discover whether there are other contractors equally capable and efficient?"

Dato' V. T. Sambanthan: What does the Honourable Member mean by "what steps"? May I know what he means by the phrase, "what steps did the Government take"?

Enche' D. R. Seenivasagam: That is the answer I am seeking for.

Dato' V. T. Sambanthan: We are guided by our technical officers, and we are satisfied. We chose those who are, in our estimation, the best contractors for the job.

Enche' D. R. Seenivasagam: Were the technical officers told to investigate this by the Honourable Minister? Was there any investigation and is there any report by the technical officers saying that only two contractors are capable of carrying out that task?

Dato' V. T. Sambanthan: I have already replied.

Enche' D. R. Seenivasagam: Is it, or is it not a fact that these works were given out to one of the two companies against the advice of the P.W.D. officials, who warned against public criticism of such a step?

Dato' V. T. Sambanthan: No.

Enche' S. P. Seenivasagam (Menglembu): Does it mean that, in future, similar jobs will also go to these undertakings and nobody else?

Dato' V. T. Sambanthan: That question does not arise.

Conversion of Telecommunications Department into a Board

9. Enche' V. David asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications to state whether the Government is contemplating to turn the Telecommunications Department into a Board.

Dato' V. T. Sambanthan: Perkara ini sedang di-kajikan oleh satu Jawatan-Kuasa Kerja. Shor²-nya belum lagi di-terima.

Enche' V. David: Mr. Speaker, Sir, supplementary question. Was this Committee set up in order to study ways and means of converting the present Telecommunications Department to a Board, and may I know the terms of reference?

Dato' V. T. Sambanthan: Jawapan saya tadi sudah chukop terang.

Enche' V. David: Sir, I am not satisfied. I want to know what are the terms of reference of the Committee?

country". What if the people of that country do not want the regime that the Prime Minister is supporting in that country by giving arms? If those people want to do away with that regime, in what way would that be protecting the people?

The Prime Minister: If they want to do away with that regime, that is their business, not mine.

Enche' K. Karam Singh: As we know, recently the people of that country revolted against that Government, and is not the Alliance Government taking sides in the internal conflict?

Mr. Speaker: That is not relevant.

12. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Menteri Luar Negeri mengapa-kah pemberian itu di-buat dengan tidak sa-chara rasmi; dan siapa-kah wakil² Kerajaan Vietnam Selatan yang menerima hadiah itu.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya, kita tidak buat dengan chara rasmi itu ia-lah kita berasa malu, kerana barang² itu sudah burok (*Ketawa*).

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampak-nya bahagian yang kedua tidak di-jawab, ia-itu siapa-kah wakil² Kerajaan Vietnam Selatan yang menerima hadiah itu?

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, yang menerima hadiah itu ia-lah Pegawai Polis. Kalau saya tidak silap barang² itu belum di-bawa kasa.

Enche' Ahmad Boestamam: Saya dengar barang² itu sudah di-bawa kasa melalui Port Swettenham yang berjalan pada pukul 12 malam. Apakah itu benar atau tidak?

The Prime Minister: Saya tidak dapat tahu yang barang² itu di-bawa pada pukul 12 malam, barangkali pehak polis tahu.

Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Sekolah Inggeris, Jelevu

13. Enche' Mohamed bin Ujang bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah sebab²-nya bahawa daripada 61 orang

chalun yang masok Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah dari Sekolah Inggeris, Jelevu, hanya 11 orang sahaja yang lulus, dan apa-kah langkah yang di-jalankan untuk membaiki keadaan ini.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, ada banyak faktor² yang berkait² di-antara satu dengan lain, yang boleh menentukan keputusan² peperiksaan sa-sabua sekolah, termasuk-lah juga sekolah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di-antara-nya ia-lah berkenaan dengan guru dan juga kebolehan serta kerajinan murid² itu sendiri serta perhatian yang di-beri oleh ibu-bapa-nya atau penjaga murid² itu terhadap pelajaran-nya. Mana-kah di-antara faktor² yang mengakibatkan keputusan² yang ta' memuaskan hati bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sekolah Inggeris Jelevu itu, tidak-lah akan dapat di-ketahuī sa-hingga selesai penyiasatan yang sekarang ini sedang di-jalankan. Langkah² yang sesuai akan di-ambil sa-lepas itu bagi memperbaiki kedudukan tersebut.

Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Malay College, Kuala Kangsar

14. Enche' Mohamed bin Ujang bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah beliau sedar bahawa beberapa orang murid Maktab Melayu, Kuala Kangsar, yang ada kelulusan yang dikehendaki, tidak di-terima masok ka-Form IV, dan kira-nya beliau sedar, apa-kah langkah² yang telah di-jalankan supaya murid² ini dapat meneruskan pelajaran-nya.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, Ya, saya sedar akan kejadian itu. Kementerian saya telah memerintahkan semua Ketua² Pegawai Pelajaran berikhtiar mengadakan tempat² bagi murid² itu di-sekolah² yang lain dan sa-panjang yang saya tahu semua murid² yang telah membuat perhubungan dengan Ketua² Pegawai Pelajaran di-negeri masing² telah pun di-masokkan ka-darjah Form IV di-sekolah² yang terletak di-pekan² mereka sendiri atau yang berhampiran dengan-nya.

Semua murid² ini akan di-benarkan kembali ka-Malay College, Kuala Kangsar, sa-kira-nya mereka mahu pada permulaan penggal kedua. Sebab murid² ini di-suruh mencari tempat di-sekolah² lain ia-lah keputusan pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran dalam Malay College sangat-lah baik. Daripada 119 murid yang memasoki pepereksaan itu sa-banyak 117 telah lulus dengan mendapat hak bagi dinaikkan ka-Form IV. Pada mula-nya ada-lah di-jangka hanya 100 orang murid sahaja yang akan dapat naik darjah. Pada awal penggal pertama hanya ada tempat untuk 104 orang murid di-dalam asrama dan darjah². Pada permulaan penggal kedua, perediaan² baharu dapat-lah di-adakan bagi 13 orang murid² yang telah diminta menchari tempat² lain itu dan jika mereka suka dapat-lah mereka kembali sa-mula ka-Malay College itu.

BILL PRESENTED

THE CORROSIVE AND EXPLOSIVE SUBSTANCES AND OFFENSIVE WEAPONS BILL

Bill to amend the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Ordinance, 1958; presented by the Minister of Internal Security; read the first time; to be read a second time at a subsequent meeting.

BILLS

THE IMMIGRATION (AMENDMENT) BILL

Second Reading

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya mohon menandatangani ia-itu Rang Undang² Imigreshen yang di-gelarkan "Suatu Undang² bagi meminda Undang² Imigreshen, 1959" di-bacha kali yang kedua.

Tuan, Kerajaan² Persekutuan dan Singapura sama bersetuju ia-itu adalah bagi faedah kedua Kerajaan ini menyamakan Undang² Imigreshen kedua buah negeri ini sa-berapa yang dapat, dan pada masa ini Undang² Imigreshen kedua negeri ini ada-lah sa-rupa isi kandungan-nya. Jadi pindaan yang di-adakan dalam Rang

Undang² ini telah di-buat sa-telah berunding dengan Kerajaan Singapura yang mana Kerajaan Singapura baharu² ini telah meluluskan satu Rang Undang² mengandongi isi yang sama dengan isi Rang Undang² ini.

Ada pun tujuan Rang Undang² ini ia-lah hendak menguatkan kuasa Kerajaan untuk menjaga orang negeri asing yang masuk ka-dalam negeri ini dengan jalan haram di-sisi undang² kita. Oleh kerana pehak Jabatan Imigreshen, Kastam dan Polis Laut mengawal dengan keras-nya, maka tidak-lah banyak sangat orang negeri asing yang masuk ka-negeri ini dengan jalan haram. Akan tetapi, oleh kerana pantai laut negeri kita ini terdedah, maka tentu-lah ada masaalah berkenaan dengan orang negeri asing masuk ka-negeri ini dengan jalan haram. Oleh yang demikian, ada-lah di-fikirkan Kerajaan patut di-beri kuasa menjalankan tindakan dengan lebeh chergas dan kuat, bukan sahaja kepada orang yang masuk ka-negeri ini dengan jalan haram, bahkan juga kepada orang yang menolong membawa mereka masuk di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Maka dengan tujuan ini-lah di-adakan Rang Undang² (Pindaan) Imigreshen tahun 1961 ini.

Fasal 3 dalam Rang Undang² ini hendak memberi kuasa kepada Penguasa Imigreshen mengishtiharkan sa-saorang itu salah pada sisi undang² sunggoh pun mereka berada di-Persekutuan Tanah Melayu pada bila² masa sa-lepas ia masuk jika Penguasa puas hati yang ia masuk ia-lah dengan jalan membuat keterangan yang bohong dalam surat permintaan, atau jika orang itu sa-orang yang di-larang masuk ka-negeri ini.

Pada masa ini hanya ada kuasa mengishtiharkan sa-saorang itu salah berada di-dalam negeri ini di-dalam masa dua tahun, sa-lepas daripada itu ia boleh mengangkat sumpah, kalau tidak, kuasa akan di-jalankan apa² tindakan ka-atas orang itu. Jadi, di-fikirkan sa-saorang yang telah dapat masuk dengan chara bohong tidak patut mendapat keutamaan dengan jalan keterangan yang tidak betul. Dan ini di-tarek balek apa kedudukan yang

This is a disease we cannot cure". Then the man said, "I want to go to China, because in China there are people who can cure this disease; and in fact a friend of mine, who lives in the same village, has come back". The hospital authorities say, "We will give you a letter to the Immigration Department saying that you should be allowed to go to China and come back to this country". The man is a respected citizen, and he went to the Immigration authorities to apply for authority to go to China for treatment and come back to Malaya. On this question of permit the Immigration authorities said, "You can go to China but you cannot come back". This man appealed to the Immigration authorities and they said that they would refer the matter to the Minister in charge. However, no reply came from the Immigration authorities for at least three months. Then I sent a telegram to the Minister in charge informing him to ask the Immigration authorities to give a reply one way or another. No reply came until that man died at Gunong Rapat and his last words were, and hundreds of people in Gunong Rapat can confirm this, "I am dying because of the Alliance Government". (*Laughter*). Those were his last words. His funeral was attended by almost every resident of Gunong Rapat.

Mr. Speaker, Sir, this is where the injustice of the Immigration Department lies: It is unable to comprehend compassion; such discretion is given to the Immigration Officers, or officers in charge of issuing these authorities and they are acting in an inhumane manner. Again, you will find that families are separated—fathers from children, brothers from sisters, mothers from their children. It is not a policy which is humane. It works to the detriment of all people, not only Chinese, Indians or Malays, who have a right to come here and who expect to live here.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² yang di-kemukakan tadi adalah merupakan satu Rang Undang² bagi mengetatkan kemasokan orang² dagang ka-Tanah Melayu ini. Bagi pehak PAS sendiri ada-lah senentiasa mendesak kepada Kerajaan kerana

memandangkan banyak-nya bertambah penduduk² negeri ini dalam tiap² tahun dan berkehendakkan penghidupan ra'ayat yang lebeh terator, maka satu daripada jalan yang mustahak dibuat ia-lah menyekat kemasokan orang² dagang ka-negeri ini. Di-dalam keterangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Perdana Menteri itu mengatakan memberi kuasa kepada Kerajaan bagi menghantar keluar semua mereka² yang tidak di-kehendaki lagi di-dalam negeri ini. Pada pendapat saya ini ada-lah tindakan yang sawajar-nya tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan undang² ini di-belakang-nya kita hendak-lah mengamati—terutama sa-kali Kerajaan, supaya menetatkan dengan kuat-nya atas kemasokan orang² dagang ka-negeri ini dan menyiasat bahawa ada-lah orang² yang di-bawa masuk ka-dalam negeri ini dengan alasan hendak menuntut atau mempelajari ilmu pengetahuan di-dalam negeri ini.

Jikalau kita hendak menyelideki-nya boleh-lah kita menyelideki di-pelabohan² yang terbuka bagi negeri ini sa-umpama Pulau Pinang. Bila kita tengok tiap² kali kapal sampai di-Pulau Pinang maka kita akan melihat banyak kanak² kecil yang berumur 7-8 tahun di-bawa masuk ka-Tanah Melayu ini dengan tujuan kata-nya hendak belajar atau menuntut, pada hal yang sa-benar-nya menjadi kuli atau penjaga kedai² mereka² yang membawa budak² itu masuk. Sebab-nya budak² itu di-bawa masuk pada pendapat saya ia-lah kerana jika di-masokkan anak² kecil bekerja di-kedai² mereka itu dapat-lah mereka memberi gaji yang murah dan budak² itu tidak mustahak di-kenakan sa-barang undang² oleh kerana mereka itu boleh mengatakan budak² ini saudara atau anak² saudara mereka sendiri; ini-lah helah bagi saudagar² atau kaum capitalist² yang hendak menchari keuntungan dengan memperbudakkan anak² kecil. Maka saya harap kepada Kerajaan supaya menyelideki soal² ini dan menchegeh kemasokan anak² kecil yang saperti itu yang tujuan-nya bukan hendak belajar tetapi sa-mata² hendak diperkuli oleh pekedai² asing di-negeri

ini. Sa-lain daripada itu mereka akan menyebabkan kesulitan dan menambahkan beban kepada Kerajaan negeri ini bagi memberikan tempat mereka belajar sedangkan anak² negeri ini sendiri banyak yang belum mendapat tempat bagi pendidikian mereka itu. Dengan sebab itu dalam pelaksanaan undang² ini saya mengharap kepada pehak Kerajaan supaya mengamati²-nya dan menjalankan sekatan itu betul² supaya kemasokan orang² dagang ka-Persekutuan Tanah Melayu ini dapat di-cheгах dengan alasan bagi menjaga dan memelihara keutamaan dan kepentingan ra'ayat negeri ini sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, mengikut perkembangan yang telah jadi dalam tiga empat tahun dahulu di-atas kemasokan bangsa² asing dalam Tanah Melayu ini teringatlah saya satu soalan yang telah saya kemukakan kepada Yang Berhormat Perdana Menteri dalam persidangan bulan December yang lalu ia-itu berapa-kah bangsa² asing yang telah masuk ka-dalam negeri ini dalam tahun 1958, 1959 dan 1960. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi telah di-sebutkan bahawasanya adalah angka bangsa² asing yang telah masuk ka-Tanah Melayu dalam tempoh 3 tahun yang tersebut ia-lah hampir 30,000 orang. Di-sini dapat-lah kita ketahui bahawasanya bilangan yang besar daripada bangsa asing itu memang menchari jalan yang bermacam² untuk masuk ka-negeri ini.

Mr. Speaker: Saya bukan hendak menahan tuan dalam perkara ini, chuma saya hendak mengingatkan ia-itu ada-lah masaalah di-hadapan Majlis ini ia-lah Rang Undang² Imigereshen (Pindaan). Kalau hendak berchakap kesah yang lain saya tahan. Tolong chakap kepada pindaan itu sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Ini ada-lah sa-bagai kenyataan sa-belum saya

Mr. Speaker: Panjang sangat preamble-nya itu!

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Di-sini teringat-lah saya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang² pula yang masuk ka-dalam negeri ini dengan jalan haram ia-itu dengan satu tongkang di-Johore seramai 17 orang kalau tak silap saya pada tahun dahulu. Ini menunjukkan bahawasanya perjalanan Undang² Immigration walau pun di-pandang ketat, tetapi tidak memuaskan hati. Oleh sebab yang demikian saya sokong undang² yang di-kemukakan di-hadapan kita pada hari ini dan saya menhadangkan untuk menjaga keselamatan orang² Melayu kita dalam negeri kita sendiri supaya jangan mereka itu tenggelam dalam Tanah Melayu ini dan di-adakan satu Immigration Station di-Johore Bharu supaya di-selideki orang² yang masuk dari Singapura ka-Tanah Melayu ini dan dengan yang demikian dapat-lah kita jaga orang² yang masuk ka-Tanah Melayu ini dan di-samping itu pula terselamat dan terpelihara-lah bangsa Melayu.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dalam hendak menetapkan Rang Undang² Imigereshen (Pindaan) di-dalam negeri ini maka Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang² dalam Rumah ini. Sa-belum saya kemukakan apa² dalam Dewan ini saya minta supaya di-fikirkan Fasal 4 dalam undang² ini. Fasal 4 telah menyebutkan dalam mana² kapal di-bawah 75 tons. Saya tidak tahu apa-kah dasar yang di-buat-nya ini sama ada berasaskan atas sa-suatu kaedah, atau pun angka 75 tons ini di-ambil ia-lah semata² dengan mengikut keadaan² biasa sahaja. Ini berma'ana bahawa kapal itu berlebeh daripada 75 tons tidak ter-ta'alok di-bawah undang² ini. Melakukannya pemindahan yang haram akan meng'akibatkan kemasokan haram ini tidak-lah sa-benar-nya terhad kepada kapal² yang di-bawah 75 tons.

Saya perchaya Menteri yang bersangkutan dalam hal ini akan dapat menerangkan asas² ini dan sa-kira-nya dalam jawapan-nya itu tidak memuaskan patut-lah di-jadikan asas itu kepada satu angka yang di-kira membolehkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu benar² mengawal kemasokan

yang belajar di-luar negeri yang sudah lebeh umur tetapi saya hendak beri keterangan kepada Ahli Yang Berhormat—perkara itu tidak ada dalam agenda Dewan ini. Apabila M.I.C. luluskan satu² resolution, kita hantar kepada Parti Alliance; M.I.C. ada-lah sa-bahagian daripada Alliance, Alliance memerintah negeri ini, dan kita mesti ingat Alliance ia-lah satu parti untuk “national interest”, dan apabila Alliance sudah bersetuju, Menteri² yang bertanggung jawab berkenaan dengan hal ini memang boleh membawa-nya ka-dalam Dewan ini.

Saya pun tidak faham dalam sharahan Yang Berhormat itu, saya perchaya kita dalam Alliance memang ada chukup dan kita boleh jaga Rumah ini dengan selamat-nya. (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan kuat-nya pindaan Undang² Kemasokan ini. Oleh kerana saya dapati banyak daripada orang luar yang masuk negeri ini dengan chara jalan haram dengan chara pengangkutan laut. Di-samping itu saya menarek perhatian kepada Yang Berhormat sekalian apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat wakil daripada Ipoh, beliau telah menyatakan sa-kira-nya ada sa-orang yang berhakikat burok ia perchaya dia itu patut di-hantar balek, maka ini dapat-lah berpeluang ia pergi ka-negeri China. Jadi, di-sini kita dapati bahawa beliau ini menggunakan Dewan ini sa-bagai propaganda politik kerana hendak menudoh Kerajaan

Mr. Speaker: Itu tidak menyentoh atau salah kepada Dewan ini. Ahli Yang Berhormat itu telah berchakap dan tujuan-nya yang pertama dia menyatakan supaya Undang² yang asal itu di-pinda lagi itu yang dia chakapkan sa-nya fikir tidak ada salah-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun bagitu beliau telah menyebutkan berkenaan

Mr. Speaker: Itu mithalan yang patut dia bawa dalam Majlis ini.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Yang di-Pertua, di-sini saya menghendaki ia-itu kawalan berkenaan kemasokkan kapal ini di-jagai sebab telah banyak di-dapati orang² masuk negeri ini dengan jalan haram.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, berbagai² perkara yang di-sebut dan di-keluarkan oleh Ahli² Yang Berhormat terhadap chadangan saya membawa pindaan Undang² Immigration tahun 1959 ini. Jika ada satu² Undang² yang hendak di-buat dan Undang² baharu itu harus-lah terlebeh dahulu di-rundingkan dengan Singapura. Jadi, terhadap Undang² ini saya hendak mengambil satu perhatian dan saya akan sebutkan semua sakali di-dalam perchakapan saya ini. Pertama-nya, Ahli² Yang Berhormat sekalian mengetahui bahawa antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu boleh-lah di-katakan siapa sahaja boleh masuk dan keluar dengan tidak ada paspot. Dengan itu saya perchaya chadangan daripada negeri ini ia-lah tidak menyusahkan bagi orang² keluar masuk di-antara kedua buah negeri ini. Tetapi tanggungan di-antara kedua buah negeri ini chuma apa yang kita hendak buat ia-lah menjaga keselamatan daripada orang melebehi masuk ka-negeri ini maka kena-lah kita pinda atau buat Undang² yang bersamaan. Jadi, dengan kerana itu-lah Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura telah berunding sa-tiap masa tentang mana yang Persekutuan Tanah Melayu patut hendak ketatkan, belum-lah lagi pernah Singapura ini enggan. Jadi, boleh di-katakan apa pindaan yang di-jalankan di-Singapura dan pindaan yang kita buat pada hari ini ada-lah dengan pakatan daripada Singapura. Tetapi sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa Singapura tidak pernah enggan menerima di-atas apa² permintaan kita.

Ada di-antara Ahli² Yang Berhormat menyebutkan bahawa kanak² yang berumur lebeh dari 6 tahun itu tidak dapat masuk di-sini, saya suka sebutkan di-sini sunggoh pun kita ada Undang² tetapi kuasa yang di-berikan kepada pehak yang menjalankan Undang² itu ada-lah menunjukkan rasa kasehan atau pun di-beri kebenaran kalau di-fikirkan patut ya'ani jika ibu bapa-nya

tidak ada di-sini dan kanak² itu dudok dengan dato'-nya. Jika dato'-nya mati maka budak itu tidak siapa yang menjaga-nya sungguh pun umur-nya sudah lebeh dari 6 tahun kita akan timbang dan di-benarkan. Tetapi belum lagi biasa kita buat satu² perkara sa-umpama ini dengan sesiapa pun. Ada pun yang di-sebutkan, kanak² di-bawah umur 6 tahun di-benarkan masok serta bekerja dalam kedai² bekerja sa-bagai buroh dan sa-bagai-nya. Saya tidak nampak munasabah daripada akal kerana ada perbezaan kanak² yang umur-nya 6 tahun dengan orang² yang berumur 15 tahun, barangkali Ahli Yang Berhormat itu salah faham dengan Undang² yang dahulu itu kerana belum di-adakan pindaan. Dahulu di-katakan orang² muda yang berumur ta' lebeh dari 15 tahun di-benarkan masok. Jadi, kita sekarang pinda Undang² supaya tidak di-benarkan masok siapa² yang lebeh 6 tahun umur-nya. Dengan kekeliruan Undang² dahulu dengan Undang² yang ada sekarang ini berbagai²-lah helah telah di-keluarkan tetapi di-sini saya suka katakan, jangan-lah takut kerana kalau sa-sorang yang umur-nya 15 tahun di-katakan umur-nya 6 tahun tidak siapa pun dia boleh tipu. Ada juga yang mengatakan ada kanak² yang konon-nya umur-nya 6 tahun itu minta hendak masok di-sini tetapi kerana kelambatan timbang menimbang maka umur kanak² itu sudah lebeh 6 tahun dan dia tidak dapat di-benarkan masok. Ini saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, apa yang kita telah buat itu bukan sahaja kita timbangkan di-atas masa yang kita ambil keputusan sa-masa permintaan itu masok. Jika kanak² itu berumur 6 tahun sa-masa dia masokkan permintaan itu kita benarkan juga sungguh pun kita ambil masa 3 tahun lagi untuk memutuskan hal itu. Jadi, tidak-lah mengambil masa begitu lama. Kerana Tuan Yang Berhormat mesti tahu bahawa pekerjaan berkenaan dengan immigration ini ialah satu pekerjaan yang besar dan berat kerana di-dalam-nya kalau kita timbang dengan rengkas sahaja dengan tidak mengambil sa-chara halus maka tentu-lah negeri kita ini akan melimpah dengan berbagai² manusia, kerana Tuan² Yang Berhormat pun tahu

barang kali Allah Ta'ala telah memberikan umat yang banyak kepada negeri kita ini lebeh daripada mana² negeri yang berjiran dengan kita. Jadi memang-lah orang² kita sahaja hendak masok ka-dalam negeri ini. Kita mestilah menjaga kepentingan orang² yang dalam jagaan kita ini. Jadi masing² yang pulang ka-negeri masing² atau pun dudok di-negeri masing² semua-nya bertujuan hendak menchari kesenangan tetapi apabila tidak dapat kesenangan di-negeri mereka, mereka hendak balek ka-sini. Apa-kah akan jadi atas kesenangan orang² negeri kita sendiri. Jadi dengan kerana itu-lah Immigration bukan dapat satu² permintaan di-timbangan dengan sa-chara begitu sahaja. Jadi macham kata sa-orang Ahli Yang Berhormat ada sa-orang China yang sakit barah (cancer) dia perchaya kalau dia berubat di-negeri China boleh baik sakit-nya tetapi dengan kerana kita tidak benarkan chepat permintaan-nya itu dia pun mati di-sini. Ini-lah saya dengar pertama kali yang orang² sakit cancer boleh di-baiki chepat. Doctor dan Scientist di-mana² pernah berkata ini satu penyakit yang tidak dapat di-ubat. Kalau dia hendak mati dalam 3 bulan kalau dia balek ka-sana pun dalam 3 bulan dia akan mati juga, tetapi dengan apa yang kita telah buat terpelihara-lah dia daripada wang tambang ka-sana. Jadi yang sa-benar-nya ditudoh pula kita bukan sahaja dzalim *unfair* tetapi kita ini sudah jadi *murderer* pula dengan kerana kawan itu mati. Jadi saya perchaya 3 bulan bukan lama hendak menimbang sa-suatul perkara dan langkah yang kita ambil sampai masa ini tidak-lah berbangkit chabaran yang tidak baik atau *criticism* terhadap kita chuma-nya adalah tiap² undang² tidak boleh dapat dengan chukup sempurna melainkan ada-lah kekurangan atau pun sa-bagainya tetapi apa yang kita telah buat kita telah jalankan pentadbiran kita dengan timbang menimbang dan ke'adilan. Jadi tentang mana yang kita boleh tolong kita tolong dan yang mana tidak boleh, tidak dapat-lah kita hendak tolong.

Ada juga Ahli Yang Berhormat berkata hendak di-ketatkan lagi undang² kita ini dan syarat² 8 itu tidak

memadai. Jadi dalam Undang² Immigration itu ada tersebut berbagai² daripada (a) sampai (o), habis itu ada pula lagi satu section 9 yang memberi kuasa penoh kapada Menteri untok menjalankan timbangan-nya di-atas sa-saorang yang telah masok ka-sini dengan apa chara yang boleh di-keluarkan. Jadi tidak dapat-lah sa-saorang manusia di-bebaskan dengan sa-penoh-nya sa-takat mana dapat di-buat atas perkara ini. Tetapi kalau di-bacha dengan sa-sungguh-nya fasal 8 dan 9 boleh-lah kita faham bahawa sa-takat mana yang di-izinkan oleh 'akal ini kita telah jalankan dengan sa-berapa boleh-nya. Jadi fasal apa berkehendakkan kapal² yang kurang 75 tan yang kita dapat rampas dan kapal yang lebeh daripada 75 tan kita tidak dapat rampas, di-pendekkan jawapan-nya ia-lah kapal yang 75 tan kebawah itu boleh di-katakan kapal kechil dan sa-siapa yang berkuasa saperti Captain dan sa-bagai-nya boleh tahu siapa yang ada di-atas kapal itu jikalau di-benarkan sa-saorang masok, jadi macham tongkang dan sa-bagai-nya Captain itu boleh tahu bahawa dia itu telah melakukan kesalahan² yang di-larang di-dalam undang² kita ini. Jadi dengan kerana kalau dia tidak tahu—mustahil dia tidak tahu, kerana berapa banyak sahaja orang² yang ada di-dalam kapal 75 tan.

Berkenaan dengan kapal yang lebeh daripada 75 tan, dia itu masok bilangan kapal yang besar. Jadi berkenaan dengan kapal yang besar ada pula peratoran-nya di-bawah section 49 Undang² Immigration. Section 49 itu telah berkata "The Controller may by writing under his hand authorise any Port Officer to detain any vessel in connection with which and offence against this Ordinance is reasonably believed to have been or to be about to be committed". Jadi boleh ditahan dan berbagai² lagi termasuk di-dalam (1), (2), (3), (4), (5), kena-lah kita membezakan benda yang boleh kita rampas dan benda yang patut kita rampas, macham juga benda yang boleh kita telan dan benda yang tidak boleh kita telan kalau di-telan lekat di-kerongkong. Jadi itu-lah beza-nya kapal yang di-bawah 75 tan dan kapal yang lebeh 75 tan. Tiada-lah lagi yang

dapat saya sebutkan di-sini melainkan apa yang di-buat itu telah kita pandang sangat mustahak dan telah pun di-jalankan tindakan. Apa yang telah di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat pagi ini yang berguna akan kita bawa berunding dengan Singapura juga. Sa-takat itu sahaja-lah yang dapat saya sebutkan di-atas apa yang telah di-tegor oleh Ahli² Yang Berhormat tadi.

Question put, and agreed to.

